



Nuraderleena dahaga cabaran

>>Oleh RABI 'ATUL
'ADAWIYAH ISMAIL
rabiatul@hmetro.com.my

DI SEBALIK wajah ayu dan tubuh kecilnya, siapa sangka gadis ini memegang jawatan penting di syarikat kejuruteraan minyak yang rata-rata pekerjaannya dimonopoli lelaki.

Namun, itu bukan halangan untuk Nuraderleena Abdullah, 27, yang sentiasa dahagakan cabaran kerana baginya, ia pengalaman terbaik untuk lebih matang dalam kehidupan dan pekerjaan.

"Sebaik menamatkan pengajian di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), saya tidak mendapat pekerjaan diimpikan dan menganggur beberapa

>Profil

NAMA:

Nuraderleena Abdullah

UMUR: 27 tahun

TARIKH LAHIR:

4 Mac 1984

ASAL: Miri

PENDIDIKAN:

Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Hubungan Kajian Industri dan Perburuhan), Universiti Malaysia Sarawak

TINGGI: 151sm

BERAT: 45kg

CITA-CITA:

Pengurus Sumber Manusia

bulan sebelum menjadi kerani syarikat swasta.

"Biarpun tidak setimpal dengan kelayakan dimiliki, saya

tidak kisah dan bersabar sambil menganggapnya sebagai dugaan dalam hidup.

"Dalam tempoh itu, saya tidak putus asa mencari pekerjaan sesuai dengan kelayakan dan bidang diminati, iaitu sumber manusia.

"Beberapa bulan kemudian, saya mendapat kerja di sebuah syarikat swasta sebagai eksekutif di bahagian sumber manusia.

"Menimba pengalaman di syarikat itu selama dua tahun, saya kemudian mendapat tawaran lebih baik dan berhijrah ke syarikat MMC Oil and Gas Engineering Sdn Bhd dengan jawatan Eksekutif Sumber Manusia," katanya.

Nuraderleena berkata, biarpun memegang jawatan sama, cabaran dihadapi dan bidang tugasnya tidak sama dengan tugas dilakukan ketika

di syarikat lama.

Katanya, antara yang terpaksa dilalui ialah menguruskan pekerja warga asing yang mempunyai pelbagai kerenah.

Katanya, selain menguruskan permit pekerjaan dan kebajikan mereka, Nuraderleena perlu memastikan mereka melakukan tugas mengikut panduan ditetapkan.

"Bekerja di syarikat gas dan minyak, sudah tentu keselamatan adalah perkara utama yang dititikberatkan, oleh itu saya perlu memastikan semuanya berjalan lancar.

"Paling memeningkan apabila saya terpaksa berurusan dengan pihak berkuasa jika pekerja asing cuba melarikan diri. Namun, itu semua adalah cabaran yang saya nanti-nantikan dan tidak kisah melalui semua itu kerana ia pengalaman berharga," katanya.